

10/01/1997

## Muslim siber dan jihad digital dalam Internet

Ismail Hashim

SUATU ketika dahulu satu siri televisyen sains fiksyen, iaitu Star Trek (pernah dibuat filem juga) menayangkan mengenai pemindahan anak kapal Enterprise dari satu tempat ke satu tempat dengan menggunakan kononnya teknologi canggih mereka. Malah, ada sebuah buku yang mengkaji perkara ini bertajuk 'The Physics of Star Trek'.

Sebenarnya apakah fungsi Islam dalam Internet? Adakah seorang cybermuslim (Muslim Siber - pengguna Internet beragama Islam yang melayari ruang siber) benar-benar menggunakan ruang siber untuk menjalankan usaha dakwahnya atau menjalankan kegiatan jihad digital? Usaha bersungguh-sungguh untuk mencapai kebaikan yang direndhai Allah dan penentangan terhadap segala anasir perosak agama dan negara dalam ruang siber).

Seperti kehidupan dalam dunia realiti, seorang Muslim siber dalam 'virtual reality' - suasana ciptaan manusia yang dialami melalui rangsangan deria, seperti penglihatan dan bunyi yang dihasilkan oleh komputer dan di mana tindakan seseorang itu tidak sepenuhnya menimbulkan kesan dalam persekitaran itu) juga berkewajipan membaca dan memahami hiper Quran yang ada dalam ruang siber. Hiper Quran adalah ayat-ayat atau teks al-Quran yang ada dalam Internet.

Melalui jihad digital, seseorang Muslim siber dapat menyebarkan dakwah, memberi maklumat terperinci dan terkini mengenai Islam (melalui E-mel dan tapak-tapak Islam yang ada dalam penyemakan Web atau web browser), di samping itu menjawab segala tuduhan kafir siber atau munafik mengenai Islam dalam Internet.

Mungkin Muslim siber boleh menjadi hacker Muslim dalam erti kata berjuang mengembangkan peranan Islam dalam ruang siber dan pada masa yang sama menolak sebarang tohmahan buruk mengenai Islam dalam lebuhraya maklumat.

Namun seperti prasangka Barat terhadap Islam melalui media cetak dan media elektronik terdapat usaha-usaha untuk memperkecilkan fungsi Islam dalam Internet. Perkara ini terlihat dalam sebuah buku bertajuk God On The Internet karya Mark A Kellner, seorang pakar teknologi komputer, yang menjadi kolumnis dalam ruangan 'On Computers' untuk akhbar The Washington Times sejak Mac 1991. Mark sudah menghasilkan lebih 250 artikel yang menilai dan menganalisis perisian dan perkakasan program Windows dan Macintosh.

Di luar daripada bidang komputer, Mark menulis dalam pelbagai tajuk terutamanya berkaitan dengan keagamaan seperti dalam Religious Weekly, Christianity Today, Religious News Services, majalah Delta Sky dan Travel Weekly.

Dalam buku God on the Internet beliau menyenaraikan semua agama di dunia yang dimasukkan ke dalam Internet. Agama itu adalah daripada Islam, Kristian, Yahudi, Buddha, Hindu sehinggalah kepada agama The New Age. Agak pelik juga dalam buku setebal 308 muka surat, maklumat utama mengenai Islam hanya diperolehi dalam satu muka surat dan sebanyak empat perenggan saja.

Menurut pengarang dalam bab 10 buku tersebut, Are you surfing with me, God?, ada 10 tapak agama paling popular. Penyeneraian dilakukan pengarang berdasarkan perspektif, penyelidikan dalam jaringan dan maklumat yang diperolehi daripada pelbagai sumber itu sudah meletakkan Islam sebagai tapak agama ke-10 paling popular atau yang terakhir sekali dalam bukunya itu.

Mark berkata penyelidikan penyenaaraan 10 tapak agama popular dalam Internet berdasarkan kepada satu sumber penting iaitu Point Communications (<http://www.pointcom.com>), sebuah pertubuhan berpusat di New York yang menilai tapak-tapak Web (World Wide Web atau WWW) dan memberikan persetujuan menandakan tapak di antara lima peratus tapak-tapak utama dalam Web.

Namun pengarang buku itu menyebut penyenaaraannya adalah subjektif, tidak semestinya dipersetujui orang lain. Beliau tidak menolak kemungkinan akan berlaku perubahan terhadap penyenaaraannya itu kerana dalam Internet yang sentiasa mengalami perubahan.

Tapak agama kesepuluh paling popular menurut Mark ialah tapak Dunia-Cybermuslim Information Collective (<http://www.uoknor.edu/cybermuslim/>).

Dalam hal ini kita boleh mempersoalkan sejauh manakah kajian yang dilakukan Mark itu benar-benar objektif dan apakah hanya terdapat satu saja tapak Islam yang popular di kalangan umat Islam dalam WWW? Adakah kaedah penelitian, penyelidikan dan maklumat yang diperolehi daripada pelbagai sumber bebas daripada sebarang prasangka?

Pengarang ada menyebut mengenai maklumat lain mengenai Islam yang boleh diperolehi melalui search engine, Yahoo, dalam sebaris perkataan, seolah-olah Islam tidak berperanan dalam lebuhraya maklumat ini.

Sekiranya seorang bukan Islam yang menggunakan buku ini, dia tentu akan menyangka bahawa tapak-tapak Islam tidak popular dalam Internet atau Islam tidak memainkan perannya dalam Internet.

Penelitian yang dilakukan Mark menunjukkan bahawa tapak-tapak agama Kristian (Christian Theology Page, Adventist Information Ministry dan The Taize Community), tapak agama Yahudi (The Judaica Mosaic dan Jews for Jesus), tapak agama Buddha (soka Gakkai) dan tapak agama Hindu (Global Hindu Electronic Network) adalah tapak agama paling popular dalam Internet.

Ini juga bermakna mereka yang beragama Kristian dan Yahudi paling banyak menggunakan Internet dan mewujudkan halaman web dalam web browser sehingga menjadikannya antara tapak-tapak agama paling popular.

Ini agak berlainan dengan apa yang disebut mereka di Barat bahawa ruang siber adalah bebas dan tidak dikuasai oleh sesiapa tetapi apabila memperkatakan mengenai Islam, ia tidak bebas, yang bebas hanyalah untuk agama-agama kepentingan masyarakat Barat dan pejuang-pejuang siber Barat serta kegiatan untuk cyberporn, cybersex, cyberpunk atau bentuk cyber culture pelik seperti bayangan kemasukan roh manusia dalam ruang siber dan yang berbau maksiat dan bersifat hedonisme.

Hakikatnya kebanyakan pengguna Web terdiri daripada mereka yang bukan Islam, oleh itu merekalah yang menguasai lebuhraya maklumat ini.

Namun timbul pula persoalan, adakah siber muslim tidak memperlihatkan kesungguhan untuk menarik lebih ramai umat Islam melayari ruang siber? Adakah ini menunjukkan maklumat mengenai Islam dalam internet masih jauh berkurangan jika dibanding dengan maklumat mengenai agama-agama lain?

Kita harus mengetahui bahawa medan perang dan pertelingkahan tidak terbatas kepada dunia realiti tetapi sudah menjalar ke dalam 'virtual reality', ia sedang berkembang sebagai forum utama untuk kelahiran idea dan konsep dalam alaf baru ini. Oleh itu penggunaan web adalah amat penting dan sebab itulah kenapa umat Islam harus melibatkan diri dalam bidang Teknologi Maklumat (IT).

Amat benar sekali apabila Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata negara kita tidak mempunyai pilihan kecuali turut menyertai industri IT bagi mengelakkan rakyat dan negara ini daripada ketinggalan.

Muslim siber harus melipat ganda usaha melalui jihad digital mewujudkan tapak-tapak Islam dengan lebih banyak dan mewujudkan 'ummah Muslim siber'

dalam Internet. Selain itu perpustakaan virtual Islam pertama harus diwujudkan serta membentuk rangkaian dan jalinan jaringan antara tapak dalam alam maya.

Suatu usaha harus dilakukan untuk mengumpulkan semua tapak Islam atau homepej pertubuhan Islam dan individu (iaitu alamat http) menjadi sebuah buku panduan untuk Muslim siber yang melayari Internet. Buku ini seperti buku panduan telefon Yellow Pages.

(Hyper Text Transfer Protocol atau http adalah protokol yang menguruskan pemindahan halaman Web dan permohonan daripada Pelayan Web (Web Server) yang mengendalikan penyemakan Web (Web Browser) dan sebaliknya.)

Buku panduan ini (bukan Islam pun boleh menggunakannya) boleh menggolongkan tapak-tapak Islam dan maklumat yang ada di dalamnya di bawah tajuk tertentu seperti yang berkaitan dengan akidah di bawah satu tajuk, politik Islam satu tajuk dan begitulah seterusnya supaya mereka yang mencari alamat http tapak-tapak Islam lebih mudah menggunakannya.

Ia adalah suatu projek yang perlu disegerakan sekaligus membentuk penyatuan di kalangan Muslim siber dalam Internet.

Selain itu, projek besar yang harus dihiris ialah penghasilan hiper Quran. Projek ini sedang dijalankan oleh Dunia Cyber Muslim Information Collective, homepej persendirian serta pertubuhan Islam tertentu. Dunia Cyber Muslim misalnya merintis dengan menghasilkan Surah Al-Fatihah (Teks-teks al-Quran dalam berbagai bahasa kini boleh diperolehi dalam CD-ROM).

Hiper Quran membolehkan seseorang siber Muslim mendengar bacaan al-Quran di tapak-tapak Islam tertentu, jika tidak pun membaca sendiri dan memahami terjemahannya.

Mungkin ada teks penafsiran al-Quran dalam pelbagai bahasa termasuk Bahasa Melayu dalam Internet nanti.

Apa yang lebih penting mewujudkan suatu tapak Islam tunggal atau tapak utama di mana semua Muslim siber dapat merujuk kepada atau mencari bahan penting dan terkini mengenai Islam, yang tidak ada dalam tapak-tapak Islam, juga sukar diperolehi perpustakaan di sesuatu tempat itu.

Tapak ini juga harus dikendalikan oleh yang Muslim siberi (mewujudkan tenaga kerja baru dalam Internet) berkemahiran dalam IT dan Islam dan menjelaskan ilmu keduniaan mengikut pandangan Islam.

Buat masa ini, untuk mendapatkan alamat http tapak-tapak Islam, kita boleh merujuk kepada buku panduan seperti Official World Wide Web Yellow Pages edisi 1996 yang terdapat di pasaran.

Contohnya jika kita hendak mencari buku Islam terkini yang dijual dan ulasannya, anda bolehlah merujuk kepada The Online Islamic Bookstore (<http://www.sharaz.com>).

Selain itu ada maklumat mengenai pertubuhan-pertubuhan Islam seperti WAMY (World Assembly of Muslim Youth), yang menyediakan anda dengan latar belakang pertubuhan, kegiatannya dan berita terkini mengenainya serta ada pangkalan data Online mengenai ilmu fiqah.

Di samping itu, ada homepej komuniti-komuniti Islam di Portland, Oregon dan Wichita di Amerika Syarikat (AS) iaitu Muslim Educational Trust Home dan The Islamic Society of Wichita, yang memberitahu kita mengenai kegiatan umat Islam di sana.

Dengan Internet, masyarakat Islam yang tinggal di kawasan yang majoriti penduduknya terdiri daripada bukan Islam di sebuah negara bukan Islam seperti Amerika tidak akan merasa terencil kerana mereka menjalinkan hubungan dengan masyarakat Islam lain melalui E-mel dan memperolehi maklumat kegiatan komuniti melalui homepej dalam Internet.

Untuk mengetahui maklumat umum mengenai Islam pula, sama ada dari segi akidah, sumber lain serta kegiatan komuniti serata dunia contoh penglibatan mereka dalam bidang perniagaan, bolehkah kita melayari ruang siber ke tapak Islam iaitu Islamic Resource.

(<http://latig.com/welcome.html>)

Di samping peminat-peminat buku Ali Shariati boleh menuju ke tapak Islam, Salaam Ailaikum (<http://www.wco.com/-altaf/altaf.html>) dan di tapak ini juga ada puisi dan artikel mengenai Islam.

Ada sebuah lagi buku panduan alamat [http](http://www.wco.com) mengenai tapak-tapak Islam iaitu Internet International Directory. Tapak-tapak Islam yang ada di sini seperti daripada jenis mailing list (berkaitan dengan E-mel) seperti berita dari tanah air. Mailing List ini ada pintu masuk kepada kumpulan Usenet yang merangkumi Malaysia, Indonesia, Singapura dan negara lain di rantau Asia Tenggara. ([listservAvmd.cso.uiuc.edu](mailto:listservAvmd.cso.uiuc.edu)).

Walau bagaimanapun segala maklumat ini hanya boleh diperolehi di bawah tajuk Religion and Spirituality.

Ini memandangkan pegangan fahaman sekular di Barat yang tidak mengutamakan agama sebagai agenda penting kehidupan atau gaya hidup utama mereka dan hanya memperosokkan agama sebagai persoalan peribadi seseorang dalam urusan hidupnya.

Hakikatnya kini, kedudukan Islam dalam Internet sekadar menjadi `bab' daripada `bahagian' yang lebih besar yang berpangkalan di Barat. Islam dalam ruang maya hanya berada digolongkan dalam kategori tertentu (Religion - ikut abjad R) seperti di bawah Web Browser Netscape Navigator dan Microsoft Explorer.

Ini memandangkan kepada latar belakang pewujudan komersil Internet itu sendiri bermula di Barat apabila pihak tentera AS sendiri melepaskan penguasaan dalam Internet kepada pihak korporat untuk mengswastakan Internet iaitu kepada MCI dan IBM pada tahun 1995.

Namun bukanlah tidak ada sebarang maklumat penting dan bernilai untuk dicari mengenai Islam dalam Internet, tetapi siber muslim tidak boleh sekadar berpuas hati dengan kedudukan Islam setakat ini dalam Internet.

Hakikatnya, kita memang boleh memperolehi maklumat, menghantar E-mel atau mewujudkan listserve dalam Internet dan rangkaian lain tetapi kita masih jauh daripada bergerak untuk mewujudkan paradigma dalam Internet.

Usaha harus dimulakan oleh ummah siber muslim (kalau pun wujudnya ummah Islam dalam ruang maya) ke arah perwujudan sebuah Web Browser seperti Netscape Navigator atau Microsoft Explorer yang berwajah Islam atau mewujudkan search engine seperti Yahoo, Lycos, Disinformation (dengan temanya - Everything You Know is Wrong), Alta Vista, Magellan, Infoseek dan sebagainya.

Bahkan rancangan ke arah mewujudkan akhbar elektronik Islam harus dirintis di mana akhbar dari negara Islam dapat dikumpul dan ditatapi dalam Internet. Ini membolehkan seseorang siber muslim memperolehi daripada sudut pandangan akhbar pro-kerajaan atau pembangkang atau gerakan Islam dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO).

Agenda IT melalui strategi tiga hala yang digariskan Dr Mahathir dapat dijadikan garis panduan ke arah membina masyarakat Islam bermaklumat.

Perdana Menteri berkata, strategi itu ialah untuk membina dan memajukan infrastruktur dan infrastruktur fizikal; mewujudkan dan memperkenalkan sistem peningkatan berasaskan IT serta memberikan penumpuan kepada pembangunan kemanusiaan.

Usaha penyebaran dakwah di kalangan agama Kristian dan agama lain semakin giat dijalankan di Internet dan hal ini begitu jelas dilihat dalam majalah Time (16 Disember 1996) bertajuk Finding God on the Internet.

Adalah menjadi tugas dan tanggungjawab umat Islam yang berilmu pengetahuan dan ummah siber muslim dalam menuju ke arah pembentukan gagasan raya rangkaian Internet Islam sejagat untuk kepentingan dan kemudahan masyarakat Islam sejagat.

(END)